ANNUAR menyampaikan surat watikah pelantikan Ahli Majlis Sukan Labuan kepada Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Dr Hasnul Faizal di Labuan, baru-baru ini.

Dana RM108,350 disalurkan kepada Majlis Sukan Labuan

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menyalurkan bantuan dan kit latihan berjumlah RM108,350 kepada persatuan sukan Labuan melalui bidang Cakna Sukan (Program Pembangunan Sukan) bagi persiapan Sukma Johor pada tahun depan.

Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, bantuan tersebut diberikan kepada 17 persatuan sukan dan dengan bantuan tersebut dapat meringankan beban kewangan mereka dalam menyediakan kemudahan kelengkapan sukan dan klinik serta penyertaan dalam kejohanan.

"Dengan adanya bantuan ini, ia harus digunakan dengan sebaik mungkin oleh persatuan sukan dalam mencungkil bakat baru.

"Kita berharap ia dapat membantu meningkatkan perkembangan sukan di sini dan memotivasi atlet untuk berlatih secara konsisten," katanya dalam ucapan di Majlis Santai Petang bersama Penggiat Sukan Labuan di salah sebuah hotel baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut berkata, KWP melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dalam usaha mempertingkatkan mutu sukan di Labuan.

"Pelbagai inisiatif termasuk program pembangunan Bakat Sukan Wilayah (BSW) turut dilaksanakan dalam memastikan Labuan tidak ketandusan bakat dan potensi dalam bidang sukan," katanya.

Menurutnya, Program BSW akan memberi tumpuan kepada pembangunan sukan peringkat akar umbi agar sentiasa bergerak aktif.

Dalam majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr Fary Akmal Osman dilantik sebagai Pengerusi Majlis Sukan Labuan.

Terdahulu, Annuar menyampaikan surat pelantikan watikah Ahli Majlis Sukan Labuan dan watikah pelantikan jurulatih. WK